

22 NOV 1999

P/Raya-Keng Yaik

STRATEGI KIT SIANG DI PULAU PINANG AKAN GAGAL

KLANG, 22 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang mengorbankan parti itu apabila bergabung secara terbuka dengan Pas pada pilihan raya umum ini dan langkah itu mungkin menyebabkan mereka mengalami kekalahan lebih teruk berbanding pilihan raya 1995, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

"Kami yakin ini merupakan satu lagi kesilapan oleh Kit Siang, sama seperti yang berlaku pada 1995," katanya kepada pemberita selepas melawat bilik operasi Gerakan Klang di sini hari ini.

Turut hadir ialah calon BN bagi dewan undangan negeri Bandar Klang Tan Chee Keong yang dicabar oleh calon DAP Teng Chang Khim dan calon Parti Demokratik Malaysia (MDP) Chua Kow Eng.

Beliau berkata kegagalan DAP pada pilihan raya lepas adalah disebabkan oleh kesilapan strategi Kit Siang untuk menawan Pulau Pinang.

Lim, yang juga Presiden Gerakan, berkata Kit Siang sanggup mengorbankan objektif dan prinsip politik parti itu untuk memenuhi cita-citanya menjadi ketua menteri negeri itu.

"Pada 1995 dia membuat kesilapan...dia mengorbankan DAP demi cita-citanya untuk menjadi ketua menteri Pulau Pinang...bukan sahaja DAP kalah teruk di Pulau Pinang bahkan ia gagal di seluruh negara," katanya.

"Kali ini dia sekali lagi mengorbankan prinsip dan objektif politik parti itu apabila ia bergabung secara terbuka dengan Pas untuk mengambil alih kerajaan Pulau Pinang," katanya.

Lim juga berkata pelantikan semula Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang bergantung kepada sokongan rakyat di negeri itu.

Katanya, sekiranya BN mencapai kemenangan besar Koh boleh dilantik semula sebagai ketua menteri.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa pelantikan ketua menteri adalah hak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lim berkata BN yakin para pengundi akan memberikan sokongan padu kepada kerajaan BN bagi membolehkan BN mencapai kemenangan besar.

-- BERNAMA

KM AKD